

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ARSHAD BUJANG MENGENAI PERJALANAN
KARIER DAN SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI KETUA PUSTAKAWAN DI
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS
PUNCAK PERDANA SHAH ALAM DARI TAHUN 2009 HINGGA KINI**

Sharipah Farah Binti Syed Hussain Shah

2008574807

Siti Aishah Binti Zakaria

2008588047

Fakulti Pengurusan Maklumat

UITM Shah Alam

Semester 5 (Disember 2009-April 2010)

APRIL 2010

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Singkatan Kata.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	1-4
Transkrip	
Kaset 1 Bahagian A.....	5-16
Kaset 1 Bahagian B.....	16-27
Kaset 2 Bahagian A.....	28-38
Kaset 2 Bahagian B.....	39-47
Kaset 3 Bahagian A.....	47-56
Ralat.....	57
Soalan	58-65
Log Wawancara.....	66-81
Indeks.....	82-86
Rujukan	
Lampiran	

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t,

Terlebih dahulu kami ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya, transkrip ini dapat di siapkan tepat pada masanya. Dalam menyiapkan transkrip ini, kami telah mendapat banyak sokongan dan juga bantuan daripada pelbagai pihak.

Sejuta penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di ucapkan kepada Encik Arshad Bin Bujang di atas kesudian beliau di temuramah dan seterusnya di atas kesudian beliau berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pustakawan. Segala kerjasama yang di berikan oleh beliau sepanjang sesi temuramah di jalankan, kami dahulukan dengan jutaan terima kasih.

Jutaan terima kasih juga di ucapkan kepada Encik Mohd Nazir Bin Ahmad selaku pensyarah subjek IMR603 merangkap penyelia kami yang telah banyak membantu dan membimbing kami untuk menyiapkan transkrip ini. Tanpa tunjuk ajar yang jitu daripada beliau, mustahil kami akan dapat menyiapkan temuramah dan transkrip ini dengan jayanya.

Kami juga ingin memberikan sekalung penghargaan kepada pembantu pensyarah Encik Mohd Nazir Bin Ahmad, iaitu, Cik Nurul Huda Binti Md Yatim dan Cik Siti Khairunisa Sheikh Abdul Mutalib yang telah banyak membimbing kami dan memberikan tunjuk ajar kepada kami dalam menyiapkan transkrip ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga di ucapkan kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan dalam proses menyiapkan transkrip ini.

Sekian, terima kasih.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK ARSHAD BUJANG MENGENAI
PERJALANAN KARIER DAN SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI KETUA
PUSTAKAWAN DI PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA KAMPUS PUNCAK PERDANA SHAH ALAM DARI TAHUN
2009 HINGGA KINI**

Abstrak: *Sharipah Farah Binti Syed Hussain Shah dan Siti Aishah Bt Zakaria telah menemubual Encik Arshad Bin Bujang di Perpustakaan Tun Abdul Razak pada 10 Februari 2010. Encik Arshad telah dilahirkan pada 17 Jun 1967 di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam adik beradik. Encik Arshad telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Nyatoh, Rantau, Negeri Sembilan. Kemudiannya, di ikuti dengan pembelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima. Di ikuti pula dengan pengajian tingkatan enam di Sekolah Tengku Ampuan Lurah di Seremban. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di ITM [Institut Teknologi MARA, sekarang ini di kenali sebagai Universiti Teknologi MARA]. Temubual ini adalah berkenaan dengan perjalanan karier beliau sebagai pustakawan. Temubual banyak memberi fokus mengenai perjalanan karier beliau sebagai pustakawan. Sewaktu temubual di jalankan Encik Arshad telah berumur empat puluh dua tahun. Beliau sangat berminat bercerita dan memberi tindak balas yang sangat positif dan memberansangkan bagi setiap soalan yang di ajukan. Secara keseluruhannya, kualiti rakaman adalah baik. Temubual ini turut memuatkan banyak perkara yang di sentuh secara mendalam kerana beliau amat terbuka semasa menjawab soalan.*

Kata Kunci: *Arshad Bin Bujang, Pustakawan, perpustakaan*

PENGENALAN

Perpustakaan adalah pusat maklumat dan ilmu pengetahuan yang penting. Ia wujud sekian lama, malah perpustakaan adalah organisasi lama yang mempunyai tradisi menyimpan dan mengurus pelbagai bahan maklumat. Perpustakaan wujud semasa berkembangnya kebudayaan Sumeria, Babylon dan Assyria yang terletak di Lembah Sungai Tigris dan Euphrates sekitar tahun 3000 hingga 500 S.M.

Sejarah perpustakaan membuktikan kepada kita kepentingannya sebagai pusat penyimpanan tamadun ilmu. Perpustakaan mencerminkan keadaan sosio ekonomi dan taraf pendidikan negara dan masyarakat di mana ia berada. Negara dan masyarakat yang bertamadun dan memiliki budaya ilmu menghargai ilmu pengetahuan dan ini diterjemahkan kepada pembangunan perpustakaan yang menyimpan bahan-bahan ilmu itu.

Kebudayaan-kebudayaan lampau yang besar seperti Greek, Mesir dan Islam memberikan penekanan kepada pembangunan ilmu dan perpustakaan. Pada waktu itu, pustakawan yang diberi tanggungjawab menguruskan perpustakaan seringkali terdiri daripada individu yang terpelajar dan adalah cendekiawan pada zamannya. Pada hari ini, perpustakaan juga sering dikenali dengan nama pusat sumber. Ada juga yang dikenali sebagai pusat maklumat. Perpustakaan ataupun pusat sumber pada hari ini berhadapan dengan pelbagai format bahan maklumat yang begitu banyak dihasilkan.

Sejarah Perpustakaan di Malaysia

Bermula tahun 1956, apabila Malayan Library Group (MLG) menghantar memorandum iaitu Public Library Services for the Federation of Malaya. Memorandum ini mencadangkan penubuhan Lembaga Perpustakaan Negara yang mempunyai kuasa eksklusif bagi memulakan perkhidmatan Perpustakaan Negara. Pada tahun 1959-1961, usaha ke arah menubuhkan Perpustakaan Negara digerakkan oleh beberapa badan profesional, persatuan & pertubuhan seperti Persatuan Perpustakaan Malaysia, organisasi swasta dan orang perseorangan.

Pada tahun 1962, Yayasan Lee menyumbangkan derma sebanyak RM500,000.00 bagi memulakan tabung Perpustakaan Negara. Pada tahun 1963, Arkib Negara Malaysia menyediakan laporan kajian berkenaan penubuhan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur. Pada tahun 1966, kerajaan memberikan tanggungjawab menubuhkan Perpustakaan Negara